

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	17 JULY 2017



Mahathir menyempurnakan pelancaran Pakatan Harapan Kota Tinggi, semalam.

Tun Mahathir mohon maaf silap pilih Najib jadi PM

Sinar Harian - 17/7/2017 pg.6

KOTA TINGGI - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meluahkan rasa kesal kerana kesilapannya menaikkan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai perdana menteri.

Beliau juga kecewa kerana Najib selaku anak kepada ikon negara yang berjaya membangunkan kawasan luar bandar termasuklah menubuhkan Felda tidak mewarisi sifat bapanya.

“Saya minta maaf sebab saya terlibat menaikkan Najib jadi PM (perdana menteri).

Saya silap sepatutnya saya angkat Mat Sabu jadi PM,” selorohnya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya Pakatan Harapan di Dewan Chon Moi, kelmarin.

Mahathir berkata, penubuhan Pakatan Harapan hasil gabungan empat parti itu bertujuan memperbaiki segala masalah dilakukan kerajaan sekarang melalui kebolehan yang ada.

Katanya, hasrat untuk menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST) juga mampu dilakukan Pakatan

Harapan kerana parti itu mempunyai pengalaman dalam pengurusan kewangan negara.

“Pakatan Harapan mengambil berat keadaan negara. Kami minta sikit saja, pangkah Pakatan Harapan. Selebihnya kami akan buat. Bila dah tubuh kerajaan, serta merta kami akan kembalikan kegemilangan negara. Dengan sedikit pangkah itu juga dunia akan kembali memandang tinggi kepada negara kita,” katanya.